

## **Pandangan Sepintas Lalu dalam Mengukur: Nilai 2 Tahun Tanah Melayu Merdeka**

31 Ogos 1959 yang lalu ialah hari yang bersejarah gilang-gemilang di Tanah Melayu kita ini. Suatu detik yang berperistiwa dan keramat di kalangan bangsa Melayu sendiri, kerana pada detik itulah, dalam masa 2 tahun yang telah lalu, kita umat bangsa Melayu dikatakan telah pun mendapat kembali hak asasi kemerdekaan dari tangan-tangan penjajahan bangsa-bangsa asing yang telah silih berganti menindas kita semenjak tahun 1511 iaitu hampir 500 tahun lamanya itu. Di dalam masa yang hampir setengah abad itu, kita telah pun diperas, ditindas serta ditekan dalam serba perkara kebebasan dengan teruk, tenat dan menderita sehingga kita seakan-akan tidak mempunyai maya dan jiwa lagi sebagai satu bangsa di tanah air kita. 31 Ogos 1959 itulah pula kita bersama-sama telah merayakan, memperlukan dan mengingati ulang tahun-ulang tahun detik-detik yang bersejarah untuk menghidup serta menyuburkan jiwa merdeka dalam tiap-tiap dada bangsa kita. Semulia-mulia umat di muka bumi ini ialah umat bangsa yang merdeka, sedang kemerdekaan adalah hak mutlak setiap manusia.

(oleh: 'Ālīmīn)

### **Hasrat Rakyat Untuk Merdeka**

Setelah jatuhnya kerajaan Melayu di Melaka dalam tahun 1511 yang silam, dan setelah pihak penjajah mencengkam serta menekankan kuku penjajahnya sekuat-kuatnya kepada negara, bangsa, kebudayaan, pelajaran dan agama orang Melayu, maka hasrat untuk mendapat merdeka kembali sentiasa berkobar-kobar dalam jiwa pahlawan-pahlawan Tanah Melayu di mana terbukti dengan segala pemberontakan-pemberontakan yang telah pernah dilakukan mereka pada masa yang lampau itu. Dan cita-cita atau hasrat dari umat bangsa Melayu itu tidak akan padam selagi kemuliaan dan keagungan negaranya, bangsanya serta agama yang sejati belum terlaksana dalam erti kata yang sebenarnya. Kini sungguhpun kita bangsa Melayu telah 3 tahun

merdeka adakah segala cita-cita dan hasrat bangsa kita yang murni dan luhur itu telah tercapai? . . . . ., Ini masih samar-samar dan masih merupakan tanda tanya, juga nampaknya sebilangan besar dari umat Melayu kita yang masih belum puas dengan kemerdekaan yang telah diterima pada 31 Ogos 1957 itu.

### **Perjuangan Bangsa Melayu**

Kepada setiap orang yang mengikuti jurusan perjuangan bangsa Melayu yang bercita-cita untuk merebut kemerdekaan dari tangan penjajah semenjak dahulu itu, mereka tahulah ke mana arahnya perjuangan bangsa Melayu tersebut diperjuangkan, dan siapakah pula yang benar-benar berjuang untuk cita-cita ini, orang yang

mana dan parti yang manakah pula yang betul-betul jadi pelopornya perjuangan itu. Dan sekarang kita telah berada dalam suasana 2 tahun merdeka, adakah yang demikian ini benar-benar hasil dari cita-cita dan hasrat pokok perjuangan bangsa Melayu bermula itu, ataulah kita bangsa Melayu telah dapat dipesongkan serta dipermain-mainkan oleh diplomasi penjajahan yang telah disogokkan kepada kita? . . . . ., ini perlu kita perhati dan awasi supaya seluruh umat bangsa kita Melayu tidak terkecuali dalam cita-citanya dan hasilnya ialah “merasa hidup sejahtera tetapi dalam mimpi”. Pihak penjajah yang telah menjajah kita sehingga ke zaman moden itu memang terkenal dengan putar belitnya yang tajam. Oleh yang demikian kiranya kita tidak benar-benar bijaksana, maka besarlah kemungkinannya yang kita menerima kemerdekaan tetapi kosong serta tidak mempunyai isi apa-apa.

#### **Melihat Hasil Kemerdekaan**

Dengan tibanya masa atau detik tarikh 31 Ogos 1959 itu, menyatakan bahawa kita bangsa Melayu telah merdeka 3 tahun lamanya. Dengan ini marilah kita melihat-lihat akan hasilnya kemerdekaan kita itu selamanya ini apakah yang telah terlaksana dan yang menguntungkan bangsa dan rakyat seluruhnya. Ya! . . . . ., telah ada hasil yang terlaksana oleh pemerintah kita, di antara ialah: jalan; banyak yang diperbaiki, jambatan-jambatan telah diganti, bangunan-bangunan sekolah telah ditambah, rumah-rumah banyak dibina, juga Stadium Merdeka dan Masjid Negara sudah dan akan diadakan sama, juga negara dan bangsa kita telah berhutang dari luar beratus-ratus juta ringgit

banyaknya, yang mana ini adalah hasil dari kemerdekaan kita semuanya tetapi nampaknya yang demikian bukanlah pelaksanaan<sup>1</sup> yang yang pokok dari cita-citanya kemerdekaan dan hasrat rakyat terbanyak terutama orang-orang Melayu. Rakyat maukan ekonominya yang kucar-kacir itu diubah menjadi sihat, pelajaran anak-anaknya dijamin laku, kesihatan diratakan kepada rakyat seluruhnya, bahasa dan kebudayaan bangsa Melayu dikembangkan segera dan kebudayaan-kebudayaan asing yang menjadi racun kepada masyarakat kita itu dihapuskan terus, juga agama Islam yang telah dirasmikan itu dijalankan sewajarnya. Demikianlah setengah dari antaranya hasrat serta cita-cita bangsa kita yang jadi nilai kemerdekaan yang diperjuangkannya itu. Kiranya seganya<sup>2</sup> apa yang dimaksudkan rakyat tersebut laksana, maka berertilah hasrat dan cita-cita bangsa kita itu belum tercapai, dan ini adalah tanggungjawab rakyat dari bangsa kita seluruhnya pada memberikan nilai hasil kemerdekaan kita itu.

#### **Islamisme Menjamin Kebahagiaan**

Melihat kepada suasana tanah air kita ini, dengan kemerdekaan yang telah kita terima pada 31 Ogos 1957 itu, dan pokoknya dari cita-cita dan hasrat bangsa kita ingin hidup mulia, bahagia dan sejahtera, rasanya tidaklah akan dapat dilaksanakan oleh masyarakat yang bercorak feudalisme, kapitalisme, imperialisme atau nasionalisme buatan manusia ini, tetapi hanya dapat dilaksanakan dengan masyarakat yang berdasarkan Islamisme itulah sahaja yang menjadi jiwanya, kerana ini ciptaan dari Allah untuk pegangan hidup hamba-Nya yang sebaik-baiknya.

<sup>1</sup> Kesalahan ejaan teks asal. Andaian perkataan sebenar ‘Penglaksanaan’

<sup>2</sup> Kesalahan ejaan teks asal. Andaian perkataan sebenar ‘Segalanya’